

COVID-19: CABARAN DAN STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN
ATAS TALIAN DI SEKOLAH RENDAH

BAANU SRI A/P KAVARI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)

Sekolah Pendidikan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2021

DEDIKASI

Untuk keluarga tercinta, dan rakan seperjuangan yang dikasihi.

PENGHARGAAN

Saya sangat bersyukur kepada Tuhan kerana dengan izin-Nya saya dapat menyiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Dr. Hadijah Binti Jaffri atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada keluarga yang memberikan dorongan yang tidak terhingga. Tidak lupakan juga rakan-rakan seperjuangan saya V.Vanaja dan Nabila Huda yang telah memberi sokongan moral sepanjang masa. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan membantu menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

ABSTRAK

Penyebaran Covid-19 telah menyebabkan peralihan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, di mana, pendekatan pembelajaran atas talian telah mengambil alih pembelajaran konvensional dengan tujuan mengekang penyebaran virus ini. Perubahan dalam sistem pendidikan ini memberi kesan kepada pelbagai pihak terutamanya guru-guru yang terpaksa melaksanakan pembelajaran atas talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kajian ini telah dijalankan dengan dua tujuan utama. Pertamanya, ia dijalankan bagi mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru-guru sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran atas talian. Objektif kedua pula, bagi mengenal pasti strategi pelaksanaan pembelajaran atas talian yang berkesan di sekolah rendah. Kajian kes kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan konvensional bagi menganalisis data yang dikumpul. Kajian ini mengemukakan hasil kajian yang dikumpul melalui kaedah temu bual dan analisis dokumen yang dijalankan ke atas 4 orang guru sekolah rendah di negeri Johor. Penemuan kajian mendapati bahawa guru menghadapi beberapa cabaran dalam melaksanakan pembelajaran atas talian. Antaranya ialah, kekangan kemudahan teknologi, kesediaan guru, sikap dan motivasi murid, halangan komunikasi dan kemahiran serta sikap ibu bapa. Guru telah mengaplikasikan strategi seperti menggunakan aplikasi pembelajaran atas talian, berusaha meningkatkan kompetensi diri dan melaksanakan kaedah pengajaran yang fleksibel dalam usaha menyampaikan pembelajaran melalui talian dengan cara yang berkesan. Kajian ini menyarankan agar penyelidikan terhadap cabaran dan strategi pembelajaran atas talian perlu dijalankan secara berterusan agar guru sentiasa meningkatkan kemahiran dan bersedia menyesuaikan diri dengan transformasi pendidikan.

ABSTRACT

The spread of Covid-19 has led to a shift in the teaching and learning process, where, online learning approaches have taken over conventional learning with the aim of curbing the spread of this virus. These changes in the education system affect various parties, especially teachers who had to implement online learning during the Movement Control Order (MCO). This study was conducted with two main purposes. First, it is conducted to identify the challenges faced by primary school teachers in conducting online learning. The second objective is to identify strategies to implement online learning in primary schools. This qualitative case study uses conventional content analysis method to analyze the data collected. This study presents the findings which were collected through interviews and document analysis conducted on 4 primary school teachers from Johor. The findings of the study conclude that teachers face several challenges in implementing online learning. Among them are constraints on technological facilities, teacher readiness, attitudes and motivation of students, communication and skills barriers as well as parental attitudes. Teachers have applied strategies such as using online learning applications, striving to improve self-competence and implementing flexible teaching methods as an effort to deliver online learning in an effective way. This study suggests that the research on online learning challenges and strategies should be conducted continuously so that teachers can always improve their skills and adopt themselves to educational transformation.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan masalah	6
	1.3 Objektif kajian	9
	1.4 Persoalan kajian	9
	1.5 Kerangka konseptual kajian	10
	1.6 Kepentingan kajian	12
	1.6.1 Guru	12
	1.6.2 Kementerian Pendidikan Malaysia	13
	1.6.3 Ibu bapa	13
	1.7 Batasan kajian	14
	1.8 Definisi konseptual dan operasional	14
	1.8.1 COVID-19	15
	1.8.2 Cabaran	15
	1.8.3 Strategi	15
	1.8.4 Pelaksanaan	16
	1.8.5 Pembelajaran atas talian	16

1.8.6	Sekolah rendah	17
1.8.7	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	17
1.8.7.1	Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)	18
1.8.7.2	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	18
1.8.7.3	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	18
1.9	Rumusan	18
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	21
2.1	Pengenalan	21
2.2	Pembelajaran atas talian	21
2.3	Pembelajaran atas talian di Malaysia	24
2.4	Kesediaan guru dan pelajar menggunakan kaedah pembelajaran atas talian	26
2.5	Cabaran pelaksanaan pembelajaran atas talian	26
2.5.1	Pengalaman dan kemahiran pendidik	27
2.5.2	Kesediaan infrastruktur dan masalah teknikal	28
2.5.3	Motivasi serta tidak balas murid dan pendidik	29
2.5.4	Pengurusan masa	31
2.5.5	Sumber maklumat	32
2.6	Strategi guru menyediakan pengajaran atas talian	33
2.7	Rumusan	36
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	37
3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka bentuk kajian	38
3.2.1	Falsafah konstruktivisme	38
3.2.2	Kajian kualitatif	39
3.2.3	Kajian kes	39
3.3	Lokasi kajian	43
3.4	Persampelan dan responden kajian	43
3.5	Prosedur pengumpulan data	45

3.5.1	Temu bual	46
3.5.2	Dokumen	49
3.5.3	Triangulasi data	50
3.6	Kajian rintis	50
3.7	Kesahan dan kebolehpercayaan	51
3.8	Etika kajian	53
3.9	Analisis data	54
3.10	Rumusan	56
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	59
4.1	Pengenalan	59
4.2	Dapatan kajian	59
4.2.1	Analisis kandungan konvensional	59
4.2.1.1	Cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pembelajaran atas talian	62
4.2.1.1.1	Kekangan kemudahan teknologi	62
4.2.1.1.2	Kemahiran dan kesediaan guru	65
4.2.1.1.3	Sikap dan motivasi murid	65
4.2.1.1.4	Halangan komunikasi	67
4.2.1.1.5	Kemahiran ibu bapa	69
4.2.1.1.6	Sikap ibu bapa	70
4.2.1.2	Strategi pelaksanaan pembelajaran atas talian	71
4.2.1.2.1	Penggunaan aplikasi pembelajaran atas talian	71
4.2.1.2.2	Pelaksanaan kaedah pengajaran yang fleksibel	72
4.2.1.2.3	Usaha meningkatkan kompetensi diri	74
4.3	Rumusan	76

BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	77
5.1	Pengenalan	77
5.2	Kesimpulan kajian	77
5.3	Cadangan	82
5.3.1	Guru	82
5.3.2	Ibu bapa	83
5.3.3	Murid	83
5.3.4	Sekolah	83
5.3.5	Kementerian Pendidikan Malaysia	84
5.3.6	Pihak NGO dan syarikat yang berkenaan	84
5.4	Cadangan kajian lanjut	85
5.5	Rumusan	85
RUJUKAN		87
LAMPIRAN		103

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Penerangan sampel kajian	44
Jadual 4.1	Contoh analisis kandungan konvensional dari sebahagian data kajian ini	60
Jadual 4.2	Cabaran dan strategi pembelajaran atas talian	61

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Kerangka konseptual kajian	11
Rajah 3.1	Kerangka reka bentuk kajian (Creswell J. W., 2009)	38
Rajah 3.2	Etika dalam pengumpulan data	53
Rajah 3.3	Analisis kandungan konvensional menggunakan pendekatan induktif	56

SENARAI SINGKATAN

COVID	-	Coronavirus disease
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdPR	-	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PKP	-	Perintah Kawalan Pergerakan

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Jadual dalam teks	103
Lampiran B	Rajah dalam teks	106
Lampiran C	Protokol temu bual	108
Lampiran D	Borang persetujuan termaklum	110

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bencana alam, pencemaran udara yang serius, mahupun wabak penyakit berskala besar yang melanda dunia, bukan sahaja memberi impak terhadap kesihatan manusia, tetapi juga kepada sektor pendidikan. Misalnya, penularan influenza A (H1N1) pada tahun 2009 telah mengakibatkan penutupan institusi pengajian tinggi dan sekolah di kebanyakan negara termasuk Malaysia (Malaysiakini, 2009). Pada 2019 pula, sebanyak 2459 sekolah rendah dan menengah di Malaysia telah ditutup akibat jerebu (Khazi, , 2019).

Pada akhir tahun 2019, Coronavirus (COVID-19) telah merebak ke seluruh dunia dengan pantas menyebabkan kematian lebih dari 3000 orang. Sebanyak 428,512 kes kematian telah dicatatkan di seluruh dunia dan 120 kematian di Malaysia (KKM, 2020). Ini mendesak beberapa negara untuk mengambil tindakan segera bagi mengurangkan penyebaran virus salah satunya dengan menutup sekolah (Huang, et al., 2020). Penularan COVID-19 telah menyebabkan sekolah-sekolah di seluruh dunia ditutup serta merta. Di peringkat global, sebanyak 1.2 billion kanak-kanak dari 186 negara telah terjejas oleh penutupan sekolah akibat penularan wabak ini. Menurut Robert Jenkins, Ketua Pendidikan Global UNICEF, tindakan segera ini adalah penting untuk melindungi pendidikan kanak-kanak, masyarakat dan ekonomi dan bebannya terhadap ekonomi tetap akan dilihat walaupun setelah mengalahkan COVID-19 (UNICEF, 2020). Bagi komuniti yang terdedah, impaknya akan dirasai menjangkau generasi akan datang.

Memahami situasi kritikal ini, semua premis Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti prasekolah, sekolah kerajaan dan swasta, institusi

pendidikan rendah, menengah dan prauniversiti serta Institut Pendidikan Guru ditutup sepenuhnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Pada 18 Mac 2020, semua institut pendidikan di Malaysia telah ditutup bagi mengekang penularan wabak Covid-19.

Akibatnya, pendekatan terhadap pengajaran dan pembelajaran telah berubah secara drastik, dengan menumpukan terhadap pembelajaran atas talian, di mana pendidikan dijalankan menerusi platform digital dan jarak jauh (Li & Lalani, 2020). Pada 15 Julai 2020, semua sekolah rendah yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah dibuka semula dengan mematuhi garis panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara sebagai langkah pengawalan penularan Covid-19.

Namun, penutupan semula sesi persekolahan telah ditetapkan pada 9 November hingga 18 Disember 2020 rentetan peningkatan jumlah kes Covid-19 (KPM, 2020). Sebagai pendekatan alternatif, Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) telah dilaksanakan bermula dari 9 November 2020. (Jabatan Pendidikan Negeri Johor, 2020).

Bagi mengharungi pandemik ini, guru-guru terpaksa menyediakan diri mereka untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran dalam norma baharu. Pembelajaran atas talian menjadi satu-satunya pilihan bagi meneruskan proses pembelajaran dengan menggantikan pembelajaran secara konvensional dan bersemuka (BH Online, 2020).

UNESCO juga telah menyokong inisiatif penutupan sekolah oleh semua negara dengan usaha mengurangkan impak Covid-19, terutamanya impak terhadap masyarakat yang kurang bernasib baik dan mudah terdedah kepada wabak ini serta memudahkan kesinambungan pendidikan bagi semua lapisan masyarakat melalui pembelajaran jarak jauh (UNESCO, 2020).

Walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan di Malaysia dan diteruskan pula dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), guru-

guru tetap berdedikasi dan mencurahkan ilmu menerusi pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Prof Madya Dr Mahizer Hamzah, Pengerusi Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia berkata, pandemik COVID-19 secara tidak langsung telah mempercepatkan penerimaan masyarakat terhadap pendidikan jarak jauh (Shanika , 2020).

Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah yang dilaksanakan secara dalam talian dan di luar talian membolehkan guru-guru menjalankan pengajaran secara terancang dan terstruktur (KPM, 2020). KPM juga telah menyediakan pelantar pembelajaran MOE-DL bagi guru, murid dan ibu bapa. Ruang pembelajaran digital bagi guru seperti aplikasi Google Classroom, Microsoft Educator Center, media bagi pembelajaran sendiri melalui Webinar dan Infografik, rakaman video tentang panduan mengajar dan ruang perkongsian ilmu dalam kalangan pendidik telah disediakan.

Manakala bagi murid pula, mereka boleh meneroka ilmu melalui EduwebTV dan belajar sambil bermain dalam KPM Play. Dalam masa yang sama, melalui pelantar MOE-DL juga, murid boleh meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dengan menonton video pembelajaran dan mencapai beberapa pautan aplikasi yang disertakan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Dr Mohd Radzi, Menteri Pendidikan Malaysia menyatakan bahawa program yang ditayangkan dalam EduwebTV telah memperoleh sekitar 6.3 juta tontonan sejak bulan April 2020 iaitu setelah pembelajaran atas talian dijadikan medium penyampaian pendidikan. Tinjauan yang dijalankan ke atas 12,506 murid, 17,665 guru dan 14,786 ibu bapa mendapati bahawa, 96.4% pelajar inginkan peningkatan slot siaran TV Pendidikan dan 98.7% pelajar, 98% guru serta 96% ibu bapa dan penjaga bersetuju bahawa program TV Pendidikan harus diteruskan walaupun perintah kawalan pergerakan berakhir (Martin, Hemananthani, Rahimy, & Tarrence, 2020).

Selain itu, pembelajaran mudah alih (*mobile learning*) juga merupakan salah satu pendekatan pembelajaran menerusi talian. Pendekatan pembelajaran dengan

menggunakan teknologi mudah alih merupakan pembelajaran jarak jauh yang membolehkan murid belajar dengan menggunakan gajet elektronik mereka seperti komputer riba, tablet, telefon pintar dan pemain MP3 untuk mengakses medium pembelajaran tanpa mengira lokasi dan masa (Georgiev, Georgieva, & Smrikarov, 2004). Podcasting dan Vodcasting turut menjadi medium pembelajaran atas talian oleh pendidik untuk mengongsikan video berkaitan dengan sesuatu topik. Podcast membolehkan pelajar memuat turun penerangan tentang sesuatu topik yang diberi dan mendengarnya pada bila-bila masa (Tavales & Skevoulis, 2006). Ia juga dimuat naik dalam laman web bagi pelajar untuk merujuk padanya sebagai bahan tambahan.

Media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, WhatsApp dan juga Telegram merupakan salah satu platform berlakunya pembelajaran atas talian. Laman sosial ini membolehkan pendidik berkongsi maklumat dan bahan akademik kepada pelajar dan membolehkan bahan yang dikongsi mudah diakses (Noorhadi Yusof & Zurinah Tahir, 2017). Teknologi pembelajaran sosial ini secara tidak langsung, meningkatkan sistem pengajaran dan pembelajaran ke arah yang lebih berkualiti dengan memudahkan penyampaian maklumat (Othman & Ismail, 2005).

Pelantar pendidikan DELIMa telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada 15 Jun 2020 bagi menggantikan MOE Digital. *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* ini merupakan pelantar usahasama dengan sumber pendidikan syarikat seperti Apple (Apple Teacher Learning Center), Microsoft (Microsoft Teams) dan Google (Google Classroom) yang membolehkan murid dan pendidik menghayati pembelajaran maya. Portal ini menyediakan sumber pembelajaran seperti buku teks digital, e-buku, dan sistem pengurusan pembelajaran yang bersistematik bagi memudahkan urusan guru memberikan kerja rumah, ujian dan kuiz, penciptaan tutorial atas talian, Podcast dan Audiobook, dan aplikasi Siaran langsung (KPM, 2020). Antara aplikasi yang disediakan adalah, Show My Homework, Bitsize, Mit App Inventor, Screen Castify, Revise by Seneca, BBC Sound dan laman Youtube seperti GCSE Pod dan Khan Academy.

Mahizer yang merupakan pensyarah kanan di Universiti Pendidikan Sultan Idris menyatakan bahawa, DELIMa merupakan batu loncatan dalam pembelajaran digital di mana, ia menjadi platform untuk menjalankan pembelajaran atas talian dan juga menyediakan ruang perkongsian dalam kalangan guru (Shanika , 2020).

Tambahan lagi, portal e-Didik yang merupakan inisiatif secara sukarela yang dijalankan oleh sekumpulan guru bagi memberikan sokongan kepada guru-guru di Malaysia. Portal ini bukan sahaja menyediakan modul dan khidmat pendidikan seperti e-Rph dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) secara online, tetapi juga menganjurkan bengkel bagi strategi dan kaedah pengajaran bagi membimbing guru-guru meningkatkan kualiti pengajaran mereka. Sepanjang PKP ini, mereka juga telah mengendalikan pelbagai bengkel secara dalam talian melalui laman eDidik Malaysia dalam YouTube. Bengkel-bengkel yang dikendalikan oleh jurulatih profesional bertujuan memberi pendedahan kepada guru-guru terhadap teknologi dan cara mengintegrasikan teknologi dalam pedagogi. Dr Syed Abi Gaufan, Pengerusi Kumpulan e-Didik menyatakan bahawa, platform ini membolehkan guru meningkatkan kemahiran menggunakan teknologi dan menyesuaikan diri menggunakan teknologi sebagai medium menjalankan pengajaran (Suara Sarawak, 2020) yang merupakan satu keperluan utama dalam pandemik ini.

Dalam masa yang sama, Cikgootube dikendalikan oleh sekumpulan guru sukarelawan dari seluruh negara yang juga menyediakan bahan pengajaran yang inovatif berdasarkan sukatan pelajaran terkini yang amat sesuai dengan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah. Usaha KPM menerusi Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) (cikgooTUBE, 2019) ini, menghasilkan video pengajaran yang menarik dan mengendalikan pelbagai tutorial bagi meningkatkan profesionalisme guru lebih-lebih lagi semasa PKP.

Disamping itu, Komuniti Digital Classroom juga bergiat aktif dalam menganjurkan bengkel semasa PKP bagi meningkatkan pembudayaan digital dalam kalangan guru (Digital Classroom, 2020). Akademi Youtuber juga merupakan salah satu platform yang membolehkan guru mencipta, mengendalikan dan menguruskan Channel YouTube untuk melaksanakan pengajaran dalam talian, serta menerbitkan

video tentang kandungan pelajaran yang memudahkan guru menjalankan pengajaran dalam norma baru (Akademi Youtuber, 2020).

Persoalannya ketersampaian pelan yang dilaksanakan dan sejauh manakah pendidikan menerusi pembelajaran atas talian adalah sesuai dilaksanakan dan diaplikasikan dalam situasi sebenar. Ini kerana para pendidik berhadapan dengan pelbagai kekangan dalam menjalankan pembelajaran atas talian dengan baik. Kajian yang dijalankan akan mengulas tentang cabaran yang dihadapi oleh golongan pendidik dalam melaksanakan pembelajaran atas talian serta strategi yang diambil oleh guru bagi menjalankan pembelajaran atas talian sepanjang pelaksanaan PKP.

1.2 Pernyataan masalah

Penutupan sekolah di serata Malaysia sejak pertengahan bulan Mac telah mengganggu pengajaran dan pembelajaran secara formal dalam bilik darjah bagi 4.9 million murid termasuk murid pra sekolah, murid-murid sekolah rendah dan pelajar-pelajar sekolah menengah negara kita (KPM, 2019). Statistik UNESCO menunjukkan bahawa seramai 7.9 million pelajar Malaysia meliputi semua sektor pendidikan telah terjejas akibat penutupan institut pendidikan disebabkan pandemik ini (UNESCO, 2020). Ini telah mengakibatkan kadar keciciran dalam kalangan murid sekolah rendah meningkat ke 0.13% berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak 0.12% (Radzi, 2020).

Menurut Dr Mohd Radzi Md Jidin, Menteri Pendidikan Malaysia, selepas beberapa hari sejak permulaan PKP, proses pengajaran dan pembelajaran telah berjalan seperti biasa kerana guru-guru telah disarankan untuk mencari cara alternatif untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran (Harian Metro, 2020).

Guru-guru dianggap sebagai petugas barisan hadapan kerana mereka bekerjasama dengan pentadbir sekolah dalam memastikan pembelajaran berjalan dengan berterusan tanpa mengira tempat dan waktu. Guru juga menyumbang dalam mencipta inovasi bagi memudahkan pembelajaran jarak jauh yang berkualiti bagi

pelajar dengan atau tanpa penggunaan teknologi digital. Mereka memainkan peranan penting dalam menyampaikan langkah-langkah pencegahan penyebaran virus dan memastikan anak-anak selamat dan disokong (UNESCO, 2020).

Keperluan jarak fizikal telah mengubah gaya pembelajaran tradisional ke pembelajaran jarak jauh sama ada dalam talian atau luar talian dengan menggunakan peralatan elektronik. Namun kenyataan sebenar adalah berbeza dengan rutin sekolah harian biasa di mana murid, ibubapa dan guru masih bergelut untuk mengaptasikan diri dengan pembelajaran atas talian.

Menurut Dr.Zuraidah, kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian berada pada tahap yang kurang memuaskan dan kebanyakan warga sekolah, terutamanya warga pendidik dan murid serta golongan ibu bapa juga belum bersedia dengan sepenuhnya bagi menghadapi pembelajaran maya (Asyikin, 2020). Hal ini kerana kaedah pembelajaran maya mempunyai banyak kekangan apabila diaplikasikan dalam realiti.

Peralatan yang tidak mencukupi dan persekitaran yang tidak kondusif menjadikan pelaksanaan pembelajaran atas talian di rumah lebih sukar bagi guru dan murid. Ramai murid, terutamanya murid di peringkat sekolah rendah masih belum biasa dengan penggunaan teknologi digital (Hawati & Jarud, 2020). Contohnya, terdapat murid yang tidak dapat menyiapkan tugas dalam Google Classroom, atau menyelesaikan masalah teknikal dalam sistem dengan sendiri serta memerlukan bimbingan dan bantuan dari orang yang lebih dewasa seperti ibu bapa atau guru.

Dalam masa yang sama, bekerja dari rumah sepanjang tempoh PKP juga menimbulkan beban kepada ibu bapa dan guru kerana kebanyakan guru juga merupakan ibu bapa. Mereka berhadapan dengan situasi yang mencabar di mana perlu seimbangkan antara kerja, pengurusan rumah tangga dan dalam masa yang sama mengawasi dan membimbing anak-anak belajar dari rumah (Hawati & Jarud, 2020).

Selain itu, terdapat cabaran lain yang dihadapi oleh pelajar seperti kekangan memiliki peranti dan akses internet untuk memulakan pembelajaran atas talian. Menurut Dr Zuraidah lagi, faktor ekonomi menjadi halangan bagi murid yang tergolong dalam golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) kerana mereka berhadapan dengan rintangan dalam memiliki dan menggunakan peranti elektronik peribadi sebagai medium pembelajaran. Disamping itu, hasil temu bual bersama golongan B40 didapati bahawa, ibu bapa tidak mempunyai kemahiran mahupun pengetahuan dalam menguruskan pembelajaran anak mereka yang dijalankan secara dalam talian sepanjang tempoh PKP dilaksanakan (Asyikin, 2020).

Pandemik ini telah meluaskan lagi jurang digital dalam kalangan masyarakat luar bandar dan masyarakat yang kurang bernasib baik kerana memiliki infrastruktur digital merupakan kemewahan bagi golongan ini (Samuel, 2020). Akibatnya, mereka semakin ketinggalan dalam meneruskan pendidikan mereka.

Mohd Azizee Hasan mengakui bahawa, murid yang mengikuti pembelajaran atas talian berhadapan dengan kekangan dari segi capaian rangkaian internet dan tidak memiliki peranti pintar untuk penggunaan peribadi (BH Online, 2020). Beliau juga menegaskan bahawa, cara alternatif perlu difikirkan oleh guru bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh murid agar ilmu pengetahuan dapat disampaikan secara berterusan tanpa sebarang kekangan. Misalnya, peluang untuk belajar secara bersemuka perlu diberikan kepada murid-murid yang bermasalah untuk belajar dalam talian. Ini kerana, setiap murid mempunyai tahap penguasaan yang berbeza dan tidak semua murid boleh memahami kandungan yang disampaikan oleh guru melalui pembelajaran atas talian.

Keadaan yang tidak dijangka ini menyebabkan guru-guru, murid dan keluarga berada dalam keadaan yang tertekan. Sebilangan guru tertekan menguruskan kegelisahan yang diarahkan bekerja dalam situasi di mana risiko COVID-19 merebak manakala ada juga yang berhadapan dengan tekanan terhadap kualiti pembelajaran yang disampaikan dengan menggunakan alat pembelajaran yang terhad atau tanpa latihan dan sokongan yang baik (UNESCO, 2020).

Kreativiti guru juga penting dalam mengekalkan keberkesanan pembelajaran yang dilaksanakan. Guru memikul tanggungjawab dalam memastikan pengajaran yang disampaikan adalah menarik dan sesuai agar murid tidak hilang minat terhadap pelajaran (BH Online, 2020). Oleh itu, guru harus melakukan perancangan secara bersistematik dan berkongsi amalan terbaik mereka bersama rakan guru yang lain bagi menyediakan modul pembelajaran atas talian yang bermutu kerana pembelajaran menerusi talian telah menjadi medium utama pembelajaran murid. Dalam masa yang sama, tahap kesediaan pihak sekolah dalam meneruskan pembelajaran atas talian dan cara penilaian terhadap murid secara efektif juga telah dipersoalkan.

1.3 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan mencapai objektif berikut:


- i. Mengetahui cabaran yang dihadapi oleh guru sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran atas talian.
- ii. Mengetahui strategi pelaksanaan pembelajaran atas talian di sekolah rendah.

1.4 Persoalan kajian

- i. Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru sekolah rendah dalam melaksanakan pembelajaran atas talian?
- ii. Apakah strategi pelaksanaan pembelajaran atas talian di sekolah rendah?

1.5 Kerangka konseptual kajian

Kerangka konseptual kajian merujuk pada konsep yang saling berkait antara satu sama lain yang memberi pemahaman menyeluruh mengenai fenomena yang dikaji (Jabareen, 2009). Kerangka konseptual adalah berkenaan konsep utama yang ingin dikaji oleh penyelidik dan sebab sesuatu perkara berlaku dalam fenomena yang dikaji (Maxwell, 2013). Ia berfungsi sebagai peta yang menunjukkan bagaimana kesemua dapatan kajian lepas dapat berfungsi bersama dalam kajian yang dijalankan (Collins & Stockton, 2018). Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini.



Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian

Berdasarkan rajah 1.1, fokus penyelidikan adalah untuk mengkaji tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pembelajaran atas talian. Ia adalah berdasarkan pengalaman guru semasa mengendalikan pembelajaran atas talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. Antara cabaran guru adalah dari segi kekangan teknologi, sikap murid dan ibu bapa serta kekurangan kemahiran teknologi dalam kalangan guru dan ibu bapa. Strategi menghadapi cabaran merujuk pada usaha yang diambil oleh guru bagi mengatasi masalah yang dihadapi semasa guru melaksanakan pembelajaran atas talian.

1.6 Kepentingan kajian

Kajian yang dijalankan ini akan memberi pendedahan terhadap pembelajaran atas talian kepada beberapa pihak.

1.6.1 Guru

Guru-guru merupakan komuniti yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan secara digital. Hasil kajian yang dijalankan akan mengungkap cabaran-cabaran yang ditempuhi oleh guru dalam mengendalikan pembelajaran maya. Dalam masa yang sama, kajian ini akan memberi penjelasan secara lebih mendalam tentang strategi-strategi yang sesuai dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran atas talian. Ini juga sebagai usaha memberi cadangan kepada guru-guru lain untuk menjalankan PdP secara efektif dan lebih menarik. Amalan pembelajaran sepanjang hayat juga akan disemai dalam kalangan murid menerusi sistem pembelajaran maya ini kerana guru-guru juga terus belajar dan meningkatkan ilmu mereka searah dengan perkembangan teknologi kini. Perkongsian dari kajian ini membolehkan guru-guru meluaskan pengetahuan mereka dan menimba kemahiran pedagogi dan kemahiran mengendalikan teknologi maklumat.

1.6.2 Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini adalah satu wadah untuk menentengahkan kekangan yang dihadapi oleh pegawai pendidikan yang melaksanakan arahan kementerian di peringkat rendah. Hasil kajian ini boleh dirujuk untuk mengetahui impak dari keputusan yang diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pejabat Pendidikan Daerah kerana peserta kajian merupakan guru-guru yang berpengalaman mematuhi keputusan kerajaan dan berhadapan dengan isu-isu sebenar. Pendedahan kepada isu-isu ini akan memberi gambaran luas kepada pihak kerajaan untuk mengambil langkah penyelesaian dan mengambil tindakan seterusnya untuk mengurangkan masalah atau untuk memikirkan alternatif lain. Ini juga membantu mereka membuat persediaan lain dari segi kemudahan atau penyediaan latihan dan kursus kepada guru-guru agar guru memiliki kemahiran mengendalikan pengajaran atas talian dan menghasilkan bahan pembelajaran secara digital. Ia merupakan satu langkah dalam meningkatkan dan membawa taraf pendidikan negara ke peringkat seterusnya. Selain itu, ini menggalakkan KPM untuk menjadikan pembelajaran atas talian sebagai satu budaya dan amalan dalam pendidikan Malaysia.

1.6.3 Ibu bapa

Ibu bapa dapat mengetahui peranan mereka dalam usaha kerajaan ini. Mereka dapat menyedari cabaran yang dihadapi dan mengetahui keperluan mereka untuk membantu dan memantau anak-anak. Ibu bapa jua memahami kepentingan memberi sokongan dan dorongan kepada anak-anak sepanjang pembelajaran maya dan keperluan memberi kerjasama kepada guru untuk bersama-sama berganding bahu dalam usaha memberi pendidikan kepada kanak-kanak. Kajian ini memberi peluang kepada ibu bapa untuk mengetahui persediaan dan kemudahan yang perlu disediakan oleh mereka untuk proses pembelajaran anak-anak. Ia juga membantu ibu bapa menyediakan keadaan yang selesa dan memastikan suasana pembelajaran yang kondusif.

1.7 Batasan kajian

Fokus kajian ini hanya tertumpu pada cabaran dan strategi pelaksanaan pembelajaran atas talian dalam tempoh perintah kawalan sahaja. Ia tidak melibatkan pelaksanaan pembelajaran atas talian secara umum atau membincangkan impak pembelajaran atas talian. Kekangan masa juga memberi kesan kepada hasil kajian kerana kajian harus dijalankan dalam tempoh masa yang terhad.

Dari segi lokasi sekolah, ketiga-tiga sekolah yang menjadi sasaran penyelidikan terletak di negeri Johor manakala, bagi jenis sekolah pula, Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) serta Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di negeri Johor yang menggunakan pembelajaran atas talian sebagai perantara guru dan murid telah dipilih. Hal ini menyebabkan hasil kajian terbatas kepada jenis sekolah dan sudut lokasi kajian yang dijalankan.

Dari aspek subjek pula, kajian ini terbatas kepada guru-guru sekolah rendah di sekolah kajian dijalankan. Keseluruhan dapatan kajian ini hanya bergantung pada data yang dikumpulkan dari empat orang guru yang merupakan pegawai pendidikan perkhidmatan. Pemilihan ini adalah berdasarkan pengalaman dan tahap kesediaan mereka menjalankan pembelajaran atas talian, kepekaan serta komitmen dalam mematuhi arahan perubahan yang dilakukan oleh KPM. Hasil kajian ini hanya menerangkan ciri-ciri subjek kajian yang dipilih dan tidak boleh digeneralisasikan kepada kategori populasi yang tertentu. Walaubagaimanapun, data yang dikumpul dalam kajian ini, akan memberikan informasi yang berfaedah kepada individu mahupun kelompok yang memiliki kriteria yang mirip dengan subjek kajian.

1.8 Definisi konseptual dan operasional

Bahagian ini menerangkan definisi konseptual dan operasional yang dibincangkan dalam kajian ini.

1.8.1 COVID-19

Coronavirus (CoV) merupakan sejenis virus yang berjangkit pada saluran pernafasan manusia. SARS iaitu *severe acute respiratory syndrome coronavirus* dan MER-CoV iaitu *Middle East respiratory syndrome-related coronavirus* merupakan jenis-jenis koronavirus yang dijangkiti oleh manusia sebelum ini. Novel Coronavirus 2019 atau lebih dikenali sebagai COVID-19 adalah jenis koronavirus yang terbaharu di mana ia ditemui pada akhir tahun 2019, di negara China. Individu yang dijangkiti koronavirus akan mengalami gejala dari selesema biasa hingga ke *pneumonia* iaitu radang paru-paru yang boleh menjadi lebih parah sehingga menyebabkan kematian (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

1.8.2 Cabaran

Cabaran membawa maksud bias psikologi sosial yang merupakan halangan yang menjadikan keputusan tidak berkesan (Bateman & Snell, 1999). Berdasarkan Dewan Bahasa dan Pustaka, cabaran diertikan sebagai elemen atau unsur yang menguji tahap kecekalan dan kemampuan seseorang individu, organisasi mahupun mana-mana pihak yang terlibat (DBP, 2017). Dalam kajian ini, cabaran membawa maksud halangan yang ditempuhi oleh guru-guru dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran atas talian.

1.8.3 Strategi

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, strategi membawa maksud bahawa, sesuatu perancangan yang dibuat secara terstruktur dengan mengambil kira semua faktor agar dapat mencapai sasaran dengan jayanya (DBP, 2017). Menurut Pearce II & Robinson (2008), strategi ialah rancangan berskala besar yang berorientasikan masa depan bagi mencapai sesuatu tujuan. Dalam konteks pendidikan, strategi boleh ditakrifkan sebagai kecekapan dalam memilih dan merancang pendekatan yang sesuai bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran

yang boleh mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan (Mok Soon Sang, 2010). Bagi kajian ini, strategi merupakan perancangan yang dibuat dan kaedah yang dipilih oleh guru dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran melalui pembelajaran atas talian dengan berkesan.

1.8.4 Pelaksanaan

Kamus Pelajar Edisi Kedua mendefiniskan pelaksanaan sebagai perbuatan atau menjalankan sesuatu (DBP, 2017). Dalam kajian ini, pelaksanaan merujuk kepada pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran atas talian yang dijalankan oleh guru.

1.8.5 Pembelajaran atas talian

Pembelajaran atas talian merupakan satu set aplikasi dan proses yang merangkumi pembelajaran berasaskan komputer, pembelajaran berasaskan digital, berasaskan laman sesawang dan pembelajaran berasaskan maya (UTLC, 2017). Menurut *National American Council for Online Learning*, pembelajaran atas talian ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan berbantuan teknologi digital dengan menggunakan aplikasi atau perisian dalam talian untuk menyampaikan kandungan pelajaran (NACOL, 2007). Menurut Aziz (2012) pula, pembelajaran atas talian dilaksanakan menggunakan peranti elektronik sebagai medium utama bagi pengaliran maklumat pembelajaran dan sebagai platform untuk perkongsian ilmu sama ada dari pihak pendidik kepada murid dan maklumbalas murid kepada guru. Bagi kajian ini, pembelajaran atas talian merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan menggunakan teknologi digital.

1.8.6 Sekolah rendah

Sekolah rendah ialah pusat ilmu yang diwujudkan untuk memberikan pendidikan asas kepada kanak-kanak yang berusia dari tujuh hingga dua belas tahun. Bangunan yang khas akan diperuntukkan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara bersistematik dan formal. Di Malaysia, pendidikan pada peringkat rendah disalurkan melalui dua jenis sekolah yang dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan serta Sekolah Jenis Kebangsaan. Bagi sekolah kebangsaan, bahasa pengantar yang digunakan adalah Bahasa Melayu manakala bahasa pengantar di Sekolah Jenis Kebangsaan pula bergantung pada bahasa ibunda di mana Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar manakala Sekolah Jenis Kebangsaan Cina menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa utama (Farah, 2017). Dalam kajian ini, sekolah rendah yang menjadi tempat kajian ialah sebuah sekolah kebangsaan yang terletak di kawasan bandar dan sebuah sekolah jenis kebangsaan yang terletak di kawasan luar bandar.

1.8.7 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Perintah Kawalan Pergerakan merupakan tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan bagi tujuan mencegah penyebaran kes coronavirus dalam kalangan rakyat Malaysia. Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia telah diisytiharkan bermula 18 Mac hingga 31 Mac 2020. Perintah kawalan pergerakan membawa maksud orang ramai dilarang membuat pergerakan dan membuat perhimpunan awam serta tidak dibenarkan melibatkan diri dalam aktiviti sukan, keagamaan, sosial dan budaya. Semua premis perniagaan telah ditutup kecuali kedai yang menjual barangan keperluan harian. Semua pusat pendidikan kerajaan mahupun swasta termasuk taska, tadika, semua jenis sekolah rendah, menengah dan juga semua institusi pendidikan tinggi negara juga ditutup dengan serta-merata (Muhyiddin T. S., 2020).

1.8.7.1 Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)

Pada 27 Mac 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan dikuatkuasakan oleh kerajaan di zon-zon tertentu bagi mengurangkan penyebaran kes Covid-19 (Saiful Sham & Nursyazwani, 2020).

1.8.7.2 Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat berkuatkuasa dari 4 Mei dengan melonggarkan beberapa syarat PKP agar dapat memulihkan semula keadaan ekonomi negara dalam situasi yang terkawal (Muhyiddin, 2020). Pada peringkat ini, kebanyakan sektor ekonomi telah diberi kebenaran untuk memulakan operasi mereka dengan menuruti prosedur operasi standard (SOP) perniagaan yang telah ditetapkan (BERNAMA, 2020).

1.8.7.3 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)

Bermula 10 Jun hingga 31 Ogos 2020 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dilaksanakan. Ia menggantikan PKPB dan merupakan langkah untuk memulihkan situasi pelaksanaan PKP dan PKPB.

1.9 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini menghuraikan latar belakang masalah kajian, terutamanya tentang pelaksanaan pembelajaran atas talian dalam pendidikan dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh semua pihak dalam melaksanakan pembelajaran atas talian. Masalah kajian telah dibincangkan berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai pembelajaran atas talian dalam tempoh PKP. Diharapkan bahawa, dapatan

kajian ini mengungkap cabaran dan strategi pelaksanaan pembelajaran atas talian dalam pendidikan sekolah rendah.

RUJUKAN

- Abtar Kaur, & Ansary Ahmed. (2006). E-Learning Challenges As Perceived By Communities Of Practice: Open University Malaysia's Experiences. *AAOU Journal*, Vol. 2, No. 1, 51-65. Retrieved Jun 29, 2020, from <https://www-emerald-com.ezproxy.utm.my/insight/content/doi/10.1108/AAOUJ-02-01-2006-B006/full/pdf?title=e-learning-challenges-as-perceived-by-communities-of-practice-open-university-malaysias-experiences>
- Adedoyin, O. B., & Soykan, E. (2020). Covid-19 pandemic and online learning: the challenges and opportunities. *Interactive Learning Environments*. doi:<https://doi.org/10.1080/10494820.2020.1813180>
- Adom, D., Yeboah, A., & Ankrah, A. K. (2016). Constructivism philosophical paradigm: Implication for research, teaching and training. *Global Journal of Arts Humanities and Social Sciences*, 4(10), 1-9.
- Akademi Youtuber. (2020). *Akademi Youtuber Malaysia*. Retrieved from <https://www.akademiyoutuber.com/>
